



See lowest prices

**Perjuangan kami memerlukan sokongan anda.**

**KLIK DISINI UNTUK LANGGAN**

**Langgan kandungan premium Utusan Online hanya RM100**

Tutup

## Siti Nurhaliza antara peserta Kayuhan Santai Avillion

02 Oktober 2019 2:17 PM



PORT DICKSON 2 Okt. - Penyanyi tersohor tanah air, Datuk Seri Siti Nurhaliza Taruddin antara 1,600 peserta yang mengesahkan penyertaan dalam program kayuhan santai Bank Mualamat Avillion Coastal Ride 2019. Ahad ini.

Beliau dijangka menyertai kategori kayuhan santai sejauh 30 kilometer (km) yang bermula dari Avillion Admiral Cove di sini dan melalui Politeknik Port Dickson-pintasan Teluk Kemang-Jalan Sri Rusa-Jalan Pantai dan berakhir di hotel berkenaan.

Pengarah Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran Kumpulan Hotel Avillion, Helen Tan berkata, program kayuhan yang memasuki edisi ketiga penganjurannya sejak dimulakan pada 2017, setakat ini mendapat sambutan menggalakkan, termasuk daripada peserta Slingapura.

"Terdapat tiga kategori iaitu 160km, 80km dan 30km. Program ini telah berjaya pada masa lepas yang menarik ribuan peserta menyertainya. Tahun lepas, seramai 1,200 peserta menyertainya.

"Selain kayuhan secara santai itu, ia juga dapat mempromosikan lagi Port Dickson sebagai pusat peranginan. Kita juga bercadang untuk menjadikan acara ini sebagai acara tahunan," katanya.

Sementara itu, bagi kategori 160km, ia disertai seramai 280 orang peserta, 1,100 peserta (80km) dan 220 peserta (30km).

Peserta yang menyertainya akan dibekalkan jersi basikal, medal, insurans persendirian dan sijil yang dihantar terus ke email mereka selain berpeluang memenangi cabutan bertuah dengan hadiah utama televisyen 48 inci. - BERNAMA

Tag Berkaitan: Negeri Sembilan, Orang, Terkini

**Namecheap Monthly Coupons**  
Namecheap.com

Check Out Our Coupons for This Month & Buy Your Dream Domain at a Low Price

**SHOP NOW**

See lowest prices from 200+ sites

**tripadvisor**

	Hotel Pull Free breakfast <b>From MYR 129</b> Show Deals
	The Flukeback Caravel Certificate of Excel... <b>From MYR 117</b> Show Deals
	Lost World Hotel Beach <b>From MYR 242</b> Show Deals
	Liu Men Melaka by Pr... Parking <b>From MYR 289</b> Show Deals
	Sen Costa Hotel-Resort <b>From MYR 67</b> Show Deals

### Popular

- Lelaki masukkan botol pewangi ketiak dalam kemaluan tunang direman
- PKR berpecah, tidak patut serah jawatan PM kepada Anwar
- Mat Sabu, PH perlu akui telah gagal
- Najib pembongkang penyokong bodoh - Rafizi
- Pelabur mula 'keluar' dari Johor?